

15 SEP 1999

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PAPUA NEW GUINEA DAN MEXICO

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Aishah mengucapkan tahniah kepada Presiden Mexico Ernesto Zedillo dan Gabenor Jeneral Papua New Guinea, Sir Silas Atopare sempena Hari Kemerdekaan negara masing-masing esok.

Seri Paduka berdua mengucapkan tahniah dan berharap kedua-dua negara akan menikmati keamanan dan kestabilan di bawah pemerintahan pemimpin masing-masing, menurut kenyataan yang dikeluarkan Istana Negara hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Ernesto Zedillo dari Mexico dan Sir Mekere Morauta dari Papua New Guinea berharap hubungan yang mesra dan membina akan terus berkembang pada masa akan datang bagi faedah bersama.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar turut menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatannya iaitu Sir Michael Somare dari Papua New Guinea dan Rosario Green dari Mexico.

-- BERNAMA

MHI RHM